



Rasa berdosa mainkan perasaan kekasih

SOALAN

SAYA ingin bertanyakan pendapat Dr mengenai masalah yang dihadapi sekarang. Setahun lalu saya berkawan dengan seorang jejaka bernama M. Dia sangat baik dan ada ciri-ciri lelaki yang saya cari selama ini.

Masalahnya keluarga menentang hubungan kami malah memilih calon lain untuk saya. Keluarga menyuruh saya memutuskan hubungan dengan M dan berkawan dengan A.

Niat saya berkawan dengan A hanyalah atas desakan keluarga. Tetapi, lama kelamaan saya mula senang dengan sikap A yang baik, hormat orang tua dan selalu menolong keluarga saya ketika dalam kesusahan. A juga ada menyatakan keinginannya untuk mengahwini saya.

Pada masa yang sama, saya belum memutuskan hubungan dengan teman lelaki M. Saya pernah menyatakan ingin berkahwin dengan M, akibatnya saya dimarahi keluarga dan mereka tidak akan membenarkan saya pulang ke kampung jika masih dengan M.

A dan M sangat baik, saya buntu dan tidak tahu memilih

siapa. Adakah saya berdosa jika melawan cakap ibu dan ayah hanya kerana seorang lelaki?

Saya mahukan restu keluarga dan jika saya memilih A apakah yang harus saya beritahu M? Saya amat rasa bersalah dan tertekan sejak akhir-akhir ini. Saya rasakan diri saya amat berdosa mempermainkan perasaan orang, Bantulah saya Dr.

Tertekan,
Shah Alam.

JAWAPAN

BERTUAHNYA seorang wanita apabila mendapat lelaki yang mencintainya setulus hati. Adik mempunyai dua jejaka yang sanggup menitiskan air mata demi cinta mereka kepada adik. Namun, kata pepatah, cinta boleh tumbuh dalam madu dan racun. Cinta juga penyakit. Bukannya adik tidak dicintai, tetapi dicintai dua jejaka.

Membuat pilihan yang tepat banyak liku dan cabarannya. Seperti adik, amatlah sukar untuk menyintai dua lelaki pada waktu yang sama. Adik rasa bersalah.



Apa yang lebih menyukarkan ialah untuk memilih hanya seorang daripada dua insan yang banyak membawa bahagia dalam hidup. Takut tersalah pilih.

Ibarat kata cinta, "Daripada kalangan yang kamu pilih untuk abaikan ialah sebutir bintang yang sanggup menyinari anda walau di mana saja kamu berada." Jika tersalah pilih, akibatnya akan merana hidup.

Sama ada A atau M, pasti akan berasa kecewa apabila tidak terpilih. Namun, cinta tidak selalu bersama jodoh tetapi jodoh selalu bersama cinta.

Jika A atau M benar-benar mencintai adik, walaupun tidak terpilih, sepatutnya mendoakan kebahagiaan adik. Ini kerana cinta yang suci dapat dilihat daripada pengorbanan seseorang, bukan daripada pemberian semata-mata. Dan juga, jika kita mencintai seseorang, kita akan sentiasa mendoakannya, walaupun dia tidak berada di sisi kita.

Jika adik melepaskan A atau M, pastinya adik

kecewa tapi cinta itu ibarat air hujan. Bagaimana lebat ia turun, pasti akan berhenti juga. Ini juga akan memberi peluang kepada A atau M untuk mencari pengganti adik. Ruang kosong antara celah-celah jari A atau M dicipta untuk dipenuhi oleh jari-jari orang lain.

Dalam memilih sama ada A atau M, adik perlu bijak dan membuat pilihan yang benar-benar dapat membahagiakan adik. Sebuah perkahwinan memabitkan bukan saja pasangan suami isteri, tetapi juga ahli-ahli keluarga lain.

Ibu bapa, mentua, ipar duai adalah ahli-ahli dalam sistem keluarga yang memberi kesan dan pengaruh dalam sesebuah perkahwinan dan rumah tangga. Justeru, sama ada A atau M, faktor ini adik perlu ambil kira.

Kebahagiaan sebuah keluarga banyak bergantung kepada sokongan ahli keluarga yang lain. Dr doakan adik akan membuat pilihan terbaik kerana cinta itu apabila kamu bertemu dan membuat pilihan yang tepat.

Anak saudara terkena bomoh gugur bayi dua kali

SOALAN

SAYA mempunyai seorang anak saudara yang meniti usia remaja, malangnya dia terlanjur dan sanggup tinggal serumah dengan teman lelakinya. Saya percaya anak saudara ini sudah digunakan kerana dia hanya mengikut segala kehendak teman lelaki.

Selepas beberapa laporan polis dibuat dan aduan kepa-

da Jabatan Agama Islam serta merujuk kepada ustaz, tiada jalan mudah untuk mengambalnya. Mereka ingin berkahwin tanpa mengira adat-adat Islam, tanpa risik dari kedua orang tuanya.

Pendek kata kahwin percuma walau pun tidak diresuti orang tua. Anak saudara saya juga menggugurkan kandungan haram sebanyak dua kali. Kami buntu dan tidak tahu bagaima-

mana hendak menyelesaikan masalah ini kerana dia sangat degil dan enggan mendengar kata.

Ibu Saudara Prihatin,
Pahang.

JAWAPAN

DR empati dengan adik. Sebagai saudara terdekat, tentunya adik inginkan yang terbaik untuk

anak saudara. Sikap adik memang Dr kagum dan semoga sikap prihatin dan mengambil berat ini akan sentiasa adik laksanakan. Sememangnya, dalam kita ingin berbuat baik, terlalu banyak ranjau dan liku yang perlu dilalui.

Dalam situasi anak buah yang dua kali menggugurkan kandungan haramnya, perkahwinan adalah jalan baik untuk mengelak kandungan serta dosa berulang.

Dari segi kesihatan, menggugurkan kandungan mendatangkan bahaya manakala dari segi agama pula, berzina dan menggugur kandungan adalah perbuatan amat dilarang serta berdosa besar.

Isu juga perlu difokuskan kepada apakah yang

terbaik untuk anak saudara adik dan teman lelakinya. Memang amat sukar bagi ibu bapa untuk berhadapan situasi begini.

Dr sangat memahaminya. Namun, untuk melihat keinginan dari satu pihak saja akan hanya memberatkan lagi masalah.

Apatah lagi, apabila berhadapan dengan seorang anak remaja yang masih muda umurnya. Sikap memberontak dan individualistik masih menebal di hatinya.

Soal bomoh dan kahwin percuma (adat resam) akan dapat diselesaikan jika isu utama diberi perhatian. (hasrat anak saudara ingin menghalalkan hubungannya dengan teman lelaki melalui perkahwinan). Banyak perkara boleh diselesaikan jika satu pihak meletakkan diri di pihak yang lain. Begi-

tu sebaliknya.

Tiada bomoh yang terbaik selain daripada sifat empati, memahami, tidak memberi bebanan terlalu berat. Bomoh yang terbaik ialah adik dan ibu bapa anak saudara. Melihat segala masalah dari perspektifnya akan memberi ruang kepada adik dan ibu bapa anak saudara untuk lebih empati, bersedia memaafkan dan memahami.

Jika ini dapat dilakukan, kemungkinan untuk dia bersetuju dengan syarat yang adik dan ibu bapanya cadangkan adalah tinggi.

Sememangnya sukar bagi yang lebih berumur untuk bersetuju dengan kemahuan orang lebih muda. Namun, dalam keadaan ini, apa yang lebih penting ialah menyelesaikan isu utama dan seterusnya menangani isu lapisan seterusnya.